

RISALAH MAKLUMAT UNTUK PESAKIT

UBAT-UBAT UNTUK KENCING TAK TERKAWAL (INCONTINENCE)

Flavoxate Oxybutynin Tolterodine



MINISTRY OF HEALTH
SINGAPORE



Adding years of healthy life



A member of the NUHS



Alexandra
Health



EASTERN
HEALTH
ALLIANCE



Jurong Health



 SingHealth

MENGENAI ubat anda

Flavoxate, Oxybutynin and Tolterodine merupakan ubat-ubat untuk mengawal kekerapan, kedesakan membuang air kencing, atau ketidakupayaan mengawal air kencing. Flavoxate boleh digunakan untuk masalah kekejangan pundit kencing yang disebabkan oleh kemasukan katheter.

BAGAIMANAKAH saya menggunakan ubat ini?

Doktor anda akan menentukan jumlah ubat yang anda perlu bergantung kepada keadaan anda. Ambil ubat ini berdasarkan dos yang dipreskripsi oleh doktor anda.

Apakah patut saya buat jika saya TERLUPA satu dos?

Jika anda tertinggal satu dos atau terlupa ambil ubat anda, makan dos tersebut sebaik sahaja anda ingat. Namun, jika sudah menghampiri masa untuk dos yang berikutnya, tunggu sehingga masa tersebut dan biarkan sahaja dos yang terlupa. Jangan gandakan dos anda atau makan ubat yang berlebihan demi menggantikan dos yang terlupa. Jika anda sudah terlupa beberapa dos, sila dapatkan nasihat daripada doktor anda.

Apakah KESAN-KESAN SAMPINGAN ubat ini?

Kesan-kesan sampingan ubat ini termasuk mulut kering, sembelit, mual dan muntah, penglihatan yang kabur, rasa mengantuk dan pening.

Untuk melegakan mulut kering, anda boleh menghisap cebisan ais atau gula-gula yang tidak mengandungi gula.

Apakah TINDAKAN BERJAGA-JAGA yang patut saya ambil?

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda menghidapi penyakit seperti kegagalan jantung, glaukoma dan inflammasi kolon yang teruk.

Beritahu doktor dan ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil sebarang ubat, sediaan-sediaan jamu, produk-produk nutrisi atau vitamin.

Anda mesti beritahu doktor anda jika anda mengalami alahan terhadap sebarang ubat-ubat yang lain atau berlakunya alahan semasa mengguna ubat ini. Simptom-simptom alahan termasuk salah satu atau lebih daripada satu yang berikut: kebengkakan muka/mata/bibir mulut, susah bernafas atau ruam kegatalan kulit yang merebak.

Berhati-hati semasa memandu atau mengendalikan mesin kerana ubat-ubat ini mungkin menyebabkan rasa mengantuk dan kekaburan penglihatan yang kabur. Elakkan alkohol dan ubat-ubat lain yang boleh mengurangkan kesegaran.

Beritahu doktor anda jika anda sedang menyusui anak, hamil atau mungkin hamil semasa khusus rawatan ubat ini.

Bagaimanakah patut saya SIMPAN ubat saya?

Simpan ubat di tempat yang kering pada suhu bilik, jauh dari haba dan cahaya matahari langsung. Jangan simpan ubat di dalam peti sejuk kecuali diarahkan berbuat demikian.